

Hamim 'sukar' pengaruhi rakyat T'ganu

KUALA TERENGGANU, Ahad

PARTI Hizbulmuslimin Malaysia (Hamim) sejak penubuhannya beberapa bulan lalu hingga pendaftarannya diluluskan baru-baru ini dikatakan sukar mempengaruhi rakyat Terengganu.

Sehingga ini dikatakan parti itu masih tidak dapat bertapak di negeri ini, walaupun usaha-usaha ke arah itu giat dilakukan oleh pucuk pimpinan parti itu.

Hamim di bawah pimpinan Datuk Haji Mohd Asri Muda dikatakan sukar untuk mempengaruhi rakyat Terengganu, khasnya ahli-ahli dan para penyokong Pas.

Di kawasan Parlimen Dungun, tempat ketua perhubungan Hamim Negeri, Haji Abdul Wahab Yunus sendiripun, parti itu sehingga ini dikatakan sukar untuk bergerak dan tidak mendapat sambutan.

Tinjauan Berita Harian mendapati hanya segelintir orang-orang yang pro-Datuk Asri dan anak buah Haji Wahab Yunus sahaja yang menunjukkan sikap menyokong penubuhan Hamim di kawasan Dungun.

Manakala di kawasan-kawasan lain, khususnya di kawasan Parlimen Kuala Terengganu, Besut, Kuala Nerus, Ulu Nerus tidak kedengaran 'deas-desus' pun tentang kemungkinan Hamim tumbuh di kawasan-kawasan itu.

Penyokong

Berita Harian juga mendapati sekurang-kurangnya tiga sebab utama Hamim sukar bertapak di negeri ini.

Pertama, pengaruh parti Pas dan para pemimpinnya seperti Haji Abdul Hadi Awang begitu kuat di kalangan ahli-ahli dan penyokong-penyokong Pas.

Kedua, tokoh-tokoh yang ada dalam Majlis Pimpinan Pusat (Majlis Tertinggi) Hamim kebanyakannya dikatakan terdiri dari mereka yang telah 'melukakan hati' ahli-ahli dan para penyokong-penyokong Pas sewaktu parti itu memerintah Kelantan dan ketika bergabung dalam Barisan Nasional dahulu.

Ketiga, Hamim tidak mempunyai seorangpun tokoh di Terengganu yang berpengaruh dan berkemampuan dalam memberi kepemimpinan kepada parti itu.

Datuk Haji Mohamad Asri sendiri dilaporkan tidak dapat masuk ke Terengganu sejak sebelum pilihanraya umum tahun lalu kerana berkrisis dengan pucuk pimpinan Pas Negeri.

Salah seorang Timba-



Datuk Hj Asri

lan Pesuruhjaya Pas Negeri Terengganu, Encik Mustapha Ali ketika dihubungi hari ini berkata, "Bagi Pas, Hamim tidak pernah wujud di Terengganu."

Bellau yang juga ahli dewan undangan negeri kawasan Wakaf Mempelem menyatakan Pas Terengganu tidak mempunyai masa untuk memikirkan tentang Hamim kerana lanya tidak wujud di negeri ini.

Encik Mustapha berkata sehingga ini pihaknya belum terdengar wujudnya cawangan-cawangan Hamim di negeri ini.

"Cuma yang kita tahu ada seorang sahaja ahli Hamim di Terengganu," tambah beliau.

Ditanya adakah Pas Terengganu mengawasi dan menyediakan senarai hitam bagi ahli-ahli dan para penyokong Pas yang pro-Hamim?

Encik Mustapha menjawab, "Tidak ada rumput temucut dalam Pas Terengganu."

"Oleh itu tidak perlu diadakan senarai hitam."

Bellau kemudian memberitahu Pas mengadakan ceramah terbuka dari masa ke semasa di seluruh negeri ini untuk menguatkan lagi pengaruhnya.

Sementara itu Ketua Perhubungan Hamim Terengganu, Haji Wahab Yunus ketika dihubungi baru-baru ini enggan memberi sebarang ulasan mengenai peluang Hamim dan masa depannya di negeri ini.

Bellau hanya menegaskan, masanya belum sesuai untuk dia berbuat demikian.